



15 FEB, 2023

## 600 roti Man Dollah sehari

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2



# 600 roti Man Dollah sehari

Oleh Abnor Hamizam  
Abd Manap  
bisnes@hmetro.com.my

*Pengusaha roti terima tempahan asrama, sekolah*

### Jelebu

**B**ermula dengan hanya menjual roti menggunakan motosikal di keliling kampung pada 2009, perniagaan roti yang diusahakan Azman Dollah mula berkembang berkat usaha gigihnya itu.

Jenama roti keluaran syarikat miliknya yang dikenali Man Dollah mula mendapat tempat dalam kalangan penduduk tempatan.

Pada 2011, Azman kemudian menyewa kedai bagi menjual roti yang diusahakan manakala isterinya, Noorazlienda Abd Ghani membantu membuat kek.

Berkat kegigihan, pada Disember 2021, Azman dan isteri berjaya membuka bengkel yang lebih selesa bagi membuat roti dan kek.

"Jabatan Pertanian juga membantu menyediakan peruntukan bagi membaik pulih bengkel yang sebelum itu dibina dengan ala kadar sahaja.

"Alhamdulillah, hari ini saya dan isteri serta pekerja selesa menjalankan kerja membuat roti di bengkel yang lebih luas," katanya.



AZMAN bersama isteri, Noorazlienda menunjukkan produk roti yang dihasilkan.

Katanya, secara purata sebanyak 600 roti perlu dihasilkan sehari bagi menampung permintaan jualan ke asrama dan sekolah, koperasi serta dijual di kedainya sendiri.

"Ada lapan jenis roti yang dibuat antaranya roti kaya, kacang, kelapa, mentega, coklat dan mini piza yang dijual dari harga RM1.20

hingga RM2.50.

"Syarikat saya turut diundang bagi menjayakan program Jualan Nismilan Prihatin yang diadakan setiap minggu di sekitar Jelebu dan menerusi program itu harga roti dijual lebih murah iaitu dari RM1 hingga RM1.50," katanya yang turut pernah menerima bantuan daripada Risda dan Fama.

Azman berkata, biarpun berdepan dan terkesan dengan kenaikan harga barang mentah, dia tidak pernah menaikkan harga jualan.

Katanya, sejak lima tahun lalu, harga itu masih kekal dan akan cuba bertahan biarpun mengalami kemerosotan keuntungan sebanyak 30 peratus.



15 FEB, 2023

## 600 roti Man Dollah sehari

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Pengusaha roti terima tempahan asrama, sekolah

Je l e b u Bermula dengan hanya menjual roti menggunakan motosikal di keliling kampung pada 2009, perniagaan roti yang diusahakan Azman Dollah mula berkembang berkat usaha gigihnya itu. Jenama roti keluaran syarikat miliknya yang dikenali Man Dollah mula mendapat tempat dalam kalangan penduduk tempatan. Pada 2011, Azman kemudian menyewa kedai bagi menjual roti yang diusahakan manakala isterinya, Noorazlienda Abd Ghani membantu membuat kek.